

# BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

# **NOTA PANDUAN 12**

## **PERMINTAAN UNTUK PENGGANTUNGAN**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Julai 2006 Kaedah 16.03
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009

## 1.0 Pengenalan

- 1.1 Penggantungan di dalam perdagangan sekuriti ("penggantungan") boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah 16.02 dan 16.03 Kehendak-kehendak Penyenaraian.
  - 1.2 Penggantungan boleh dikuatkuasakan di atas permintaan dari perbadanan tersenarai atau dikenakan oleh Bursa secara bebas dari mana-mana permintaan tersebut tertakluk kepada kehendak berkaitan yang dinyatakan dalam Nota Panduan ini.
  - 1.3 Nota Panduan ini menjelaskan prosedur operasi berkenaan dengan sesuatu permintaan untuk penggantungan yang dibuat oleh perbadanan tersenarai.

## **2.0 Borang dan maklumat untuk sesuatu permintaan untuk penggantungan**

- 2.1 Mana-mana permintaan untuk penggantungan mesti dibuat secara bertulis dan di dalam borang dari Tambahan GN12-A. Sebagai tambahan, perbadanan tersenarai mesti memberikan kepada Bursa apa-apa maklumat lain sebagaimana yang boleh diminta oleh Bursa.
  - 2.2 Permintaan untuk penggantungan mesti ditandatangani oleh seorang anggota pengurusan kanan dari perbadanan tersenarai seperti setiausaha syarikat, pengarah urusan atau ketua eksekutif yang diberikan kuasa untuk melakukannya oleh lembaga pengarah perbadanan tersenarai.
  - 2.3 Bursa hanya akan mempertimbangkan satu permintaan untuk penggantungan jika maklumat yang diminta menurut perenggan 2.1 di atas telah diberikan sepenuhnya dan lengkap.

### **3.0 Kedaan yang boleh mewajarkan penggantungan**

- 3.1 Bursa boleh meluluskan permintaan perbadanan tersenarai untuk penggantungan jika -

(a) perbadanan tersenarai memerlukan masa untuk menyiapkan dan menyiarakan pengumuman berkaitan dengan suatu transaksi material, seperti -

**Nota Panduan 12**  
**Permintaan untuk penggantungan**

- 
- (i) transaksi amat substansial seperti yang ditakrifkan dalam Bab 10 Kehendak-kehendak Penyenaraian;
  - (ii) perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai; atau
  - (iii) mana-mana pelaksanaan korporat lain yang dianggap material oleh Bursa;
- (b) jika perbadanan tersenarai berhasrat untuk -
- (i) membuat pengumuman material, termasuk suatu yang termasuk dalam perenggan 3.2 di bawah ("**Pengumuman Amat Material**"); atau
  - (ii) mengadakan sidang media untuk membuat Pengumuman Amat Material, Sebelum penutupan perdagangan; atau
- (c) apa-apa sebab lain yang, menurut pendapat Bursa, menjustifikasi penggantungan.
- 3.2 Tanpa mengehadkan perkara di atas, satu pengumuman berkaitan dengan mana-mana perkara berikut akan dianggap sebagai Pengumuman Amat Material -
- (a) laporan kewangan interim;
  - (b) terbitan bonus atau pelaksanaan penubuhan tabung;
  - (c) transaksi seperti yang ditakrifkan di bawah Kaedah 10.02(j) Kehendak-kehendak Penyenaraian, di mana nisbah peratusan yang dikira selaras dengan Bab 10 Kehendak-kehendak Penyenaraian adalah 25% atau lebih;
  - (d) notis pengambilalihan diserahkan kepada perbadanan tersenarai yang awam tidak mempunyai pengetahuan sebelumnya; atau
  - (e) mana-mana pelaksanaan korporat lain.
- 3.3 Perbadanan tersenarai hendaklah tidak meminta untuk penggantungan jika ia berkaitan dengan pelaksanaan korporat di mana fakta-fakta masih dalam keadaan berubah dan tiada penzahiran yang boleh dibuat.
- 4.0 Tempoh penggantungan dan rangka masa pengumuman**
- 4.1 Jika Bursa memberikan penggantungan untuk mana-mana sebab yang tercatat dalam perenggan 3.1 di atas, tempoh penggantungan yang boleh diluluskan oleh Bursa adalah -
- (a) sehingga 3 hari pasaran sahaja jika sebab-sebab untuk penggantungan termasuk dalam lingkungan perenggan 3.1 (a);
  - (b) sehingga 1 hari pasaran sahaja jika sebab-sebab penggantungan termasuk dalam lingkungan perenggan 3.1 (b); dan
  - (c) tempoh lain yang dianggap sesuai oleh Bursa jika sebab-sebab penggantungan termasuk dalam lingkungan perenggan 3.1 (c).

4.2 Untuk tujuan pengiraan tempoh penggantungan -

- (a) sekiranya penggantungan dikuatkuasakan pada jam 9.00 pagi, hari penggantungan dikuatkuasakan akan dikira sebagai 1 hari pasaran; atau
- (b) sekiranya penggantungan dikuatkuasakan selepas jam 9.00 pagi, hari penggantungan dikuatkuasakan tidak akan dikira sebagai 1 hari pasaran penggantungan.

**5.0 Pengumuman**

- 5.1 Sekiranya penggantungan diberikan oleh Bursa dalam perenggan 3.1(a), perbadanan tersenarai mesti mengumumkan maklumat yang berkaitan kepada Bursa pada atau sebelum peluputan tempoh penggantungan yang diluluskan oleh Bursa menurut perenggan 4.1 di atas.
- 5.2 Sekiranya penggantungan diberikan oleh Bursa dalam perenggan 3.1(b), perbadanan tersenarai mesti mengumumkan maklumat yang berkaitan kepada Bursa pada hari penggantungan yang diminta untuk berkuat kuasa.
- 5.3 Sekiranya penggantungan diberikan oleh Bursa dalam perenggan 3.1(c), perbadanan tersenarai mesti mengumumkan maklumat yang berkaitan kepada Bursa pada tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.

**6.0 Penggantungan**

- 6.1 Perbadanan tersenarai harus menyerahkan permintaannya untuk penggantungan sekurang-kurangnya 1 jam sebelum waktu penggantungan diminta untuk bermula. Bagi maksud perenggan ini, "1 jam" erti mana-mana 1 jam antara jam 9 pagi hingga 1 tengah hari dan 2 petang hingga 5.30 petang.
- 6.2 Jika Bursa memutuskan untuk membenarkan penggantungan, penggantungan tersebut akan dikenakan dengan serta merta apabila keputusan telah dibuat, walaupun ia boleh jadi sebelum tarikh atau waktu penggantungan yang diminta untuk bermula.
- 6.3 Sekiranya Bursa menganggap bahawa sebab-sebab yang diberikan dalam menyokong permintaan penggantungan tidak mewajarkan penggantungan -
  - (a) Bursa akan memberitahu perbadanan tersenarai; dan
  - (b) Bursa boleh mengikut budi bicaranya, meminta perbadanan tersenarai untuk mengumumkan maklumat yang memadai untuk membolehkan pelabur membuat keputusan yang berpengetahuan, secepat mungkin atau dalam masa yang ditetapkan oleh Bursa, yang dalam keadaan apa pun tidak akan lebih lama daripada 1 hari pasaran dari pemberitahuan.

**7.0 Ilustrasi**

7.1 Berikut adalah ilustrasi penerapan perenggan 6.1 dan 6.2:

- (a) Sekiranya A Bhd berhasrat untuk menggantungkan sekuritinya pada jam 9.00 pagi pada hari Isnin, ia hendaklah menyerahkan permintaannya untuk penggantungan pada jam 4.30 petang pada hari Jumaat sebelumnya.

**Nota Panduan 12**  
**Permintaan untuk penggantungan**

- 
- (b) Jika penyerahan dibuat pada hari Jumaat dan Bursa memutuskan pada hari Jumaat untuk membenarkan penggantungan, penggantungan akan dikuatkuasakan dengan serta merta pada hari Jumaat itu sendiri (jika pada waktu itu, sesi perdagangan belum berakhir).
  - (c) Walaubagaimana pun, menurut perenggan 4.2(b), Bursa tidak akan mengambil kira penggantungan yang dikuatkuasakan pada hari Jumaat ketika mengira tempoh penggantungan.

Tambahan GN12-A

TAMBAHAN GN 12-A

# **Borang Permintaan untuk Penggantungan (perenggan 2.1)**

Nama perbadanan tersenarai: \_\_\_\_\_

Tarikh permintaan: \_\_\_\_\_

Tempoh penggantungan: \_\_\_\_\_ hari Dari: \_\_\_\_\_ pagi/petang [ \_\_\_\_\_ pagi/petang [ \_\_\_\_\_ hari & tarikh ] ] hingga \_\_\_\_\_ hari & tarikh ]

Tarikh pengumuman kepada Bursa yang dijangkakan: \_\_\_\_\_

Sebab-sebab untuk permintaan. Sila tik kotak berkaitan:

**3.1(a): Kami memerlukan masa untuk menyiapkan dan menyiarakan pengumuman berkaitan dengan transaksi material berikut:**

(i)	perolehan amat substansial	
(ii)	perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai seperti yang ditakrifkan dalam Bab 1 Kehendak-kehendak Penyenaraian	
(iii)	apa-apa pelaksanaan korporat lain	

Dalam kes perenggan 3.1(a)(iii) di atas, memberikan perincian lengkap tentang sifat pelaksanaan korporat, termasuk justifikasi mengapa pelaksanaan korporat itu adalah material, dan, jika berkenaan, nisbah peratusan.

Tempoh maksimum penggantungan yang dibenarkan dalam perenggan 3.1(a)(i) - (iii) di atas adalah 3 hari pasaran.

**3.1(b): Kami berhasrat untuk membuat pengumuman material atau mengadakan sidang media untuk membuat pengumuman material sebelum penutupan perdagangan yang berikut:**

(i)	laporan kewangan interim	
(ii)	pelaksanaan terbitan bonus atau penubuhan tabung	
(iii)	transaksi di mana nisbah peratusan adalah sama atau melebihi 25%	

**Tambahan GN12-A**  
**Borang permintaan untuk penggantungan**

---

(iv)	Notis pengambilalihan diserahkan kepada Syarikat kami yang awam tidak mempunyai pengetahuan sebelumnya	
(v)	Mana-mana pelaksanaan korporat lain.	

Dalam kes perenggan 3.1(b)(v) di atas, memberikan perincian lengkap mengenai pelaksanaan korporat, termasuk justifikasi mengapa pelaksanaan korporat itu adalah material, dan jika berkenaan, nisbah peratusan.

---



---

Tempoh maksimum penggantungan yang dibenarkan dalam perenggan 3.1(b)(i) - (v) di atas adalah 1 hari pasaran.

Sekiranya permintaan anda tidak selaras dengan tepat kehendak yang dinyatakan dalam perenggan 3.1(a) & 3.1(b) di atas, sila berikan justifikasi:

---



---

**3.1(c) Apa-apa sebab lain.**

Dalam kes perenggan 3.1(c) ini, memberikan perincian lengkap mengenai sifat pelaksanaan/keadaan korporat termasuk mengapa ini mewajarkan penggantungan dalam perdagangan sekuriti Syarikat anda; dan jika berkenaan, nisbah peratusan.

---



---

Kami mengesahkan bahawa maklumat di atas adalah benar dan seterusnya bahawa: -

- (a) pengumuman kepada Bursa yang mengandungi permintaan untuk penggantungan dan sebab-sebab untuknya, bersama-sama apa-apa maklumat tambahan yang diperlukan untuk membuat pasaran berpengetahuan adalah dilampirkan;
- (b) kami tidak mengetahui apa-apa sebab mengapa sekuriti Syarikat kami tidak harus digantung; dan
- (c) rekod penggantungan untuk 12 bulan yang lepas dalam borang dalam bentuk jadual dilampirkan.

Orang hubungan:

Nama: (1) \_\_\_\_\_ (2) \_\_\_\_\_

No. Telefon  
 (Terus): (1) \_\_\_\_\_ (2) \_\_\_\_\_

(Mudah alih): (1) \_\_\_\_\_ (2) \_\_\_\_\_

**Tambahan GN12-A**  
**Borang permintaan untuk penggantungan**

---

Ditandatangani oleh: \_\_\_\_\_

Nama: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Nota:

- (1) Sila hubungi kakitangan yang berkaitan dari Bahagian Penyenaraian untuk mendapatkan penjelasan/bantuan sebelum menyerahkan permintaan untuk penggantungan.
- (2) Sekiranya anda meminta untuk penggantungan bermula jam 9.00 pagi, sila hubungi kakitangan yang berkaitan dari Bahagian Penyenaraian sebelum jam 4.30 petang pada hari perdagangan sebelumnya. Sekiranya anda meminta untuk penggantungan bermula pada jam 2.30 petang, sila hubungi kakitangan yang berkaitan dari Bahagian Penyenaraian sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari yang sama.
- (3) Perincian orang hubungan yang berkaitan boleh didapati dari tapak web Bursa:  
[www.bursamalaysia.com/website/bm/contact\\_us.html](http://www.bursamalaysia.com/website/bm/contact_us.html)
- (4) Sila fax permintaan anda ke mana-mana nombor berikut:-
  - (a) 03-2072 0676
  - (b) 03-2072 0675
  - (c) 03-2072 0692
  - (d) 03-2072 0689

Tambahan GN12-A  
Rekod penggantungan 12 bulan yang lepas

Rekod penggantungan 12 bulan yang lepas

Tarikh Permintaan	Sebab-sebab Penggantungan	Tempoh Penggantungan yang Diminta (Tarikh & Bil. Hari)	Tempoh Penggantungan yang Dibenarkan oleh Bursa (Tarikh & Bil. Hari)	Pelanjutan Penggantungan yang Diminta (Tarikh & Bil. Hari)	Pelanjutan Penggantungan yang Dibenarkan oleh Bursa (Tarikh & Bil. Hari)	Jumlah Bilangan Hari Penggantungan	Tarikh Pengumuman Penuh